

Bengkel Pembangunan & Pemantapan Modal Insan

Oleh : Fazlina Md. Fadzil



Bengkel Pembangunan dan Pemantapan Modal Insan telah diadakan pada 23 hingga 27 Disember 2008 di Tasoh Lake Resort & Retreat, Perlis yang merupakan kesinambungan usaha JHEPA untuk melahirkan pemimpin yang cemerlang dalam bidang akademik, pembinaan sahsiah dan mempunyai sifat kepimpinan yang unggul. Peserta bengkel ini adalah seramai 80 orang pemimpin pelajar iaitu mereka terdiri daripada kalangan ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Majlis Penghuni Kolej Kediaman (MPKK) dan Presiden setiap Kelab & Persatuan mahasiswa. Objektif bengkel ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta bengkel berkenaan asas kemahiran pengurusan dan teknik-teknik kepimpinan yang berkesan bagi meningkatkan keyakinan mereka untuk menjadi pemimpin yang cemerlang. Di samping itu, bengkel ini juga bertujuan meningkatkan daya tahan para pemimpin pelajar bagi menghadapi situasi semasa, meningkatkan semangat kerja berpasukan dan merapatkan lagi hubungan MPP dengan MPKK dan Presiden Kelab & Persatuan. Selain itu, para peserta turut diuji dari segi ketahanan minda dan fizikal menerusi beberapa aktiviti teambuilding seperti aktiviti berakit menyusuri Empangan Tasik Timah Tasoh, aktiviti sukaneka dan aktiviti flying fox.

Menerusi bengkel ini, peserta turut dibekalkan dengan ilmu berkenaan tatacara dan protokol penganjuran dan pengacaraan sesuatu majlis, prosedur penyediaan kertas kerja, prosedur kewangan dalam penganjuran aktiviti dan ceramah berkaitan isu-isu semasa di dalam negara. Malahan dalam bengkel ini juga, peserta turut diberi peluang untuk berbincang antara satu sama lain dalam merangka takwim perancangan aktiviti bagi tahun 2009. Melalui bengkel ini, adalah diharapkan agar semua peserta yang terdiri dari pemimpin mahasiswa dapat melahirkan kesatuan fikiran dan tindakan bagi mewujudkan kepimpinan mahasiswa yang ideal, kreatif, proaktif dan efektif serta mampu bekerjasama dengan semua pihak dalam satu pasukan yang dinamik.

